



Antara aktiviti diadakan ketika program 'English Camp' di SMK Taman Jasmiri.

Kem bantu pelajar kuasai bahasa Inggeris



Program ini diadakan secara percuma pada waktu hujung minggu"

Dr Maslawati Mohamad,
Penyelaras Program
TESL UKM

Kajang: Demi membantu pelajar sekolah meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris, sekumpulan mahasiswa bidang Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menganjurkan program 'English Camp' di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Jasmiri di sini, baru-baru ini.

Program sosial disertai pelajar Tingkatan Empat dan Lima serta guru sekolah itu bermatlamat mengatasi kelemahan penguasaan yang menjadi antara punca pencapaian dalam mata pelajaran berkenaan terjejas.

Penyelaras Program TESL UKM, Dr Maslawati Mohamad, berkata aktiviti separuh hari itu menyaksikan pelajar terbabit mempelajari bahasa Inggeris dalam suasana menyeronokkan dan secara tidak formal.

"Program ini diadakan secara percuma

pada waktu hujung minggu," katanya.

Teknik baharu

Penganjuran itu turut memberi pendedahan dan latihan kursus 'Methods in TESL' kepada mahasiswa terbabit untuk mempraktikkan pembelajaran di dalam kuliah dan meningkatkan profesionalisme mereka, selain mengukuhkan jalinan kerjasama positif antara pihak universiti dengan industri.

Sementara itu pelajar SMK Taman Jasmiri, Lavanyah a/p Moneymanan, 16, gembira menyertai program terbabit kerana berpejuang mendapatkan teknik baharu mempelajari bahasa Inggeris.

"Saya kini lega kerana tidak lagi berasa sukar untuk mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris selepas mengetahui kaedah yang lebih pantas dan mudah difahami.

"Ilmu yang diperoleh daripada kem ini akan saya praktikkan dalam pembelajaran di kelas dan kehidupan harian," katanya.